



Headline: Sindiket hantar gambar waran tangkap perdaya mangsa
Publication/Portal: Sinar Harian
Date: 2 April 2022

Language: Malay
Section: Nasional
Page: 14

Sindiket hantar gambar waran tangkap perdaya mangsa

SHAH ALAM - Sindiket penipuan *Macau Scam* dikesan menggunakan taktik terbaru dengan menghantar gambar yang didakwa sebagai waran tangkap kepada mangsa.

Pengarah Jabatan Siasatan Jenayah Komersial (JSJK) Bukit Aman, Datuk Kamarudin Md. Din berkata, taktik berkenaan digunakan dipercayai untuk menakutkan penerima mesej tersebut.

"Mangsa kebiasaannya akan menerima panggilan daripada nombor yang tidak dikenali mendakwa sebagai pegawai polis, mahkamah dan sebagainya.

"Namun, taktik yang terbaru dikesan sindiket akan menghantar gambar yang didakwa sebagai waran tangkap kepada mangsa," katanya dalam satu kenyataan.

Menurut beliau, taktik ini sebahagian daripada modus operandi terbaharu untuk memperdayakan serta menipu mangsa.

Kamarudin menjelaskan, bagi menyempurnakan waran tangkap, polis sama sekali tidak akan menghantar dokumen tersebut kepada individu terlibat.

"Waran hanya ditunjukkan secara fizikal kepada individu yang ditahan semasa tangkapan dilakukan," katanya.

Beliau menasihatkan orang ramai agar tidak mudah terpedaya dengan taktik yang dilakukan sindiket.

"Orang ramai jangan mudah terpengaruh atau terpedaya dengan mana-mana pihak yang tidak dikenali sekali gus mengaitkan diri dengan mana-mana kes jenayah.

"Segera buat semakan dengan polis sekiranya menerima panggilan meragukan bagi mengelak menjadi mangsa penipuan," ujarinya.